

Impak Dakwah Kitab *Taj al-Salatin* kepada Masyarakat Melayu di Aceh

Dr. Shah Rul Anuar Nordin

Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
68400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Tel: +607-4538583 E-mail: shahrul@uthm.edu.my

Nik Kamal Wan Mohamed

Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
68400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Tel: +607-4537988 E-mail: kamal@uthm.edu.my

Abstrak

Kitab sebagai medium dakwah memainkan peranan yang besar kepada kehidupan masyarakat Melayu Islam di Aceh. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengkaji impak kitab *Taj al-Salatin* kepada masyarakat Melayu pada abad ke 17M. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metod analisis isi kandungan dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa dakwah melalui kitab memberi impak dan pengaruh yang positif kepada kehidupan masyarakat Melayu setempat pada waktu itu.

Kata kunci: dakwah, masyarakat Melayu, Aceh, kitab *Taj al-Salatin*

Pengenalan

Kedatangan Islam ke Aceh telah meninggalkan pengaruh yang sangat mendalam dan telah turut membawa orang Arab, Parsi dan Turki ke Aceh. Menurut Tengku Cik Kuta Karang, salah seorang ulama Aceh di abad ke 18M, orang Aceh yang ada sekarang adalah hasil percampuran penduduk asli Aceh yang disebut orang 'Manteu' dengan orang Arab, Parsi dan Turki akibat dari proses sejarahnya yang panjang. (Darwis A. Soelaiman 1988:2-3).

Dari segi geografi, Aceh merupakan satu kawasan yang terletak di Pulau Sumatera dengan keluasan wilayah seluas kira-kira 182,828 batu persegi termasuk lebih daripada seratus pulau kecil mengelilinginya di bahagian Barat Daya negeri tersebut. Aceh mempunyai kedudukan yang sangat strategik, terletak di antara dua benua, benua India dan Pasifik, berkedudukan di utara Selat Melaka. Aceh menguasai 70 peratus laluan perdagangan di Alam Melayu. Sekarang Aceh mempunyai 8 juta orang penduduk. Di kawasan inilah pernah muncul sebuah negara Islam yang berdaulat iaitu Kesultanan Aceh Dar al-Salam¹ dan menjadi pelabuhan penting menggantikan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini. Aceh terkenal sebagai negara Islam yang kuat, besar, kaya dengan rempah ratus terutamanya lada hitam dan bertamadun tinggi di Alam Melayu sekitar abad ke 16 dan ke 17 M (M.C. Rickleft. 1981:335). Menurut Jelani Harun (2003:95) pula, Aceh pada waktu itu adalah sebagai satu bangsa yang paling berkuasa di dunia Melayu dan Hindia Timur, kerana penguasaannya ke atas kebanyakan pelabuhan yang wujud ketika itu.

Semasa kegemilangannya, rakyat Aceh pernah berada dalam satu tamadun yang tinggi dengan wujudnya keamanan dan kestabilan politik dalam negara. Kehebatan Aceh sebenarnya dibantu oleh kekuatan pasukan askar angkatan darat dan armada angkatan lautnya yang sangat kuat. Justeru itu, sultan-sultan Aceh mampu menangkis ancaman daripada pihak musuh terutama Portugis yang telah bertapak di Melaka pada waktu itu.

Dalam aspek ketenteraan, Arun Kumar (1962:86) menyatakan bahawa askar Aceh sebahagian besarnya berasal dari Turki, Cambay, Malabari dan Abyssinia pada zaman Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah al-Qahar (1537-1571). Mengenai kekuatan kelengkapan perang Aceh, Lukman Thaib (1999:201) menyatakan pada tahun 1586, seorang raja Aceh telah berjihad untuk membebaskan Melaka dari cengkaman Portugis dengan armada laut yang terdiri daripada 500 buah kapal perang dan 60,000 angkatan laut. Hal ini membuktikan bahawa Aceh mempunyai kelengkapan perang dan armada laut yang sangat besar pada waktu itu.

Kesultanan Aceh Dar al-Salam telah mencapai kemuncak kegemilangan dalam aspek politik, ekonomi, perundangan dan agama di awal abad ke 17M semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636). Di akhir abad ke 17M, dianggarkan ada terdapat tujuh hingga lapan ribu buah rumah di Aceh. Pada tahun 1621, kawasan istana Kraton Darul Dunia Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang sangat luas itu dikawal oleh 3000 orang wanita yang diketuai oleh Laksamana Kemala Hayati. Pada masa itu penduduk Aceh sangat ramai sehingga membolehkan baginda mengumpulkan 40,000 orang tentera dengan mudah.

Menurut Teuku Ibrahim Alfian (2005:230), semasa pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1589-1604) banyak pedagang asing yang berkunjung ke Aceh. Antaranya ialah pedagang dari India, Eropah, Negara-negara Arab, Turki dan Asia Pasifik (China, Perancis, Jepun) (Dayan Dawood 2000:58)(Ding Choo Ming 2010:59).

Kesultanan Aceh Dar al-Salam mempunyai hubungan dengan semua bangsa yang melayari Lautan Hindi dari Jepun sampai ke Semenanjung Tanah Arab. Pedagang beragama Islam bangsa Arab, India, Turki, Arakan, Pegu, Siam, Kedah, Bruas dan Parsi datang ke Aceh pada pertengahan abad ke 16M. Selain itu ada juga pedagang yang datang dari Costantinople, Venice, Aleppo, Perancis, Denmark, Belanda, dari kawasan Laut Merah dan China.

Kesultanan Aceh Dar al-Salam mempunyai matawang sendiri yang dibuat dari emas (dirham) dan timah (keuh). Menurut Arun Kumar (1962:81), tukang emas di bandar Aceh kebanyakannya adalah orang asing. Kedai penukar wang (money changer) pula kebanyakannya diurus oleh kaum wanita.

Pembesar Aceh digelar "Orang Kaya" yang diberi tanggungjawab untuk membantu Sultan mentadbir negara. Laksamana diberi tugas sebagai Datuk Bandar. Selain itu, ada mahkamah yang melaksana dan menguatkuasakan hukum Islam. Ia diketuai oleh seorang Qadi. Di bawah Laksamana ada empat orang pegawai. Antaranya ialah Penghulu Kuala yang bertugas di waktu malam untuk menjaga keamanan dibantu kira-kira 200 orang berkuda meronda Bandar Aceh dan kawasan sekitarnya semasa kegemilangan Kesultanan tersebut.

Bustan al-Salatin menyatakan bahawa Sultan 'Ali Mughayat Shah² (1517-1532) adalah sultan Aceh yang pertama. Secara keseluruhannya bolehlah dibuat rumusan bahawa zaman kegemilangan Kesultanan Aceh Dar al-Salam adalah antara zaman pemerintahan Sultan 'Ali Mughayat Shah (1514-1528) hingga zaman Ratu Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675). Zaman suram pula bermula dari pemerintahan Ratu Nurul Alam Naqiatuddin (1675-1678) hingga Sultan 'Alauddin Muhammad Daud Shah. Selain itu, sultan teragung Kesultanan Aceh Dar al-Salam adalah Sultan 'Ali Mughayat Shah (1514-1530) yang dikenali sebagai perintis kerajaan Aceh, Sultan 'Alaudin al-Qahar (1537-1571), Sultan Iskandar Muda (1607-1636) dan Sri Ratu Tajul Alam Safiatuddin (1641-1675).

Aceh sebagai pusat kegiatan agama Islam, penulisan dan kebudayaan Melayu

Teuku Ibrahim Alfian (2005:227) menyatakan bahawa kerajaan Aceh adalah lanjutan daripada pusat penyebaran Islam dan budaya Melayu yang dirintis oleh Kerajaan Samudera Pasai (1250-1524M). Kesultanan Aceh Dar al-Salam (1524-1900M) yang mendapat gelaran Serambi Mekah³ menjadi pusat yang baru menggantikan kedudukan Kerajaan Samudera Pasai dan Kesultanan Melayu Melaka (Teuku Iskandar 1996:xvii-xxvii).

Kegemilangan tamadun Melayu di Aceh terserlah sekitar abad ke 15 hingga abad ke 17 M. Aceh dianggap sebagai penguasa di sebelah Timur dan Khalifah Uthmaniyah di Barat sebagai pasangannya. Menurut A. H. Johns (1984:17-24) Aceh menjadi pusat politik dan pusat pengajian Islam yang terkemuka di Nusantara pada abad ke 17 M. Sebagai sebuah negara Islam, banyak masjid dibina antaranya seperti Masjid Bait al-Rahman dan Bait al-Musyahadah. Selain itu, di setiap pelusuk kampung ada masjid dan biasanya ia bersaiz sederhana besar. Sekolah-sekolah dan pusat pendidikan Islam 'dayah cot kala' banyak dibina dan murid-muridnya diajar menulis dan mengira di dalam bahasa Arab. Menurut Darwis A. Soelaiman (1988:4), bahasa rasmi yang dipakai dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam di abad ke 16M adalah bahasa Aceh, Melayu dan Arab.

Di samping itu, kehidupan beragama juga berkembang pesat. Agama Islam menjadi ideologi kerajaan dan menjadi cara hidup (*way of life*) masyarakat Aceh. Pengaruh Islam tercermin dalam struktur pemerintahan, hukum, perundangan, politik luar negara, peranan ulama dalam pemerintahan, pendidikan dan pertentangan dengan kuasa Barat terutama Portugis dan Belanda.

Aceh juga menjadi pusat kegiatan penulisan kesusasteraan Melayu. Kitab-kitab berbahasa Arab, Aceh dan bahasa Melayu dalam bidang sejarah, agama dan sastera ditulis. Ringkasnya, penulisan kitab jawi di Aceh benar-benar berada di puncaknya. Hal ini ada kaitan dengan peribadi Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) dan Sultan Iskandar Muda (1607-1636) yang sangat cintakan ilmu pengetahuan. Zakaria Ahmad (1972:107) dalam bukunya *Sekitar Kerajaan Aceh Dar al-Salam, tahun 1520-1675* telah menyatakan bahawa Aceh menjadi tempat tumpuan ulama besar dari segenap penjuru dunia Islam untuk mendapat perlindungan sultan. Selain itu, bumi Aceh juga dihuni oleh ramai ulama *ahl al-Bait*. Hamzah Fansuri, Shamsudin Sumatrani, Nuruddin al-Raniri, Bukhari al-Jauhari dan Abdul Rauf Fansuri adalah termasuk dalam predikat ulama Aceh yang terkenal. Kesemua ulama ini bermazhab Shafi'e dan beraliran Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.

Mengikut sejarah, ulama ternama dari Mesir, Turki, Arab, Syria dan India telah datang ke Aceh untuk menyebarkan ilmu mereka. Sebagai contoh, terdapat dua orang ulama sufi yang datang ke Aceh pada tahun 990H/1582M iaitu Shaykh Abdul Khaer dan Shaykh Muhammad Yamani yang berasal dari Yaman (Zainuddin, H.M. 1978:252). Arun Kumar (1962:48-49) dalam perkara ini menyatakan bahawa:

The next sultan of Aceh, Sultan Alauddin of Perak (Mansur Shah) was especially known for his patronage of Islamic scholarship. It was during his reign (1579-1586) that a certain Shaikh Abul Khair ibn Shaikh ibn Hazar came from Mecca (1582). He was a specialist in the field of dogmatics and mystics. He was followed by Shaikh Muhammad Jamami, a specialist in the 'doctrine of foundations'. A third scholar name Shaikh Muhammad Hamid came from Gujarat. He taught logic, rhetoric and the science of duties.

Kebanyakan pendakwah ini terdiri daripada ahli tarekat dan ahli sufi. Tidak hairanlah ajaran Tasawuf lebih dominan dan berjaya mewarnai kehidupan beragama di Aceh. Berbagai aliran Tasawuf telah lahir. Karya-karya agama juga lebih tertumpu pada Tasawuf dan falsafah. Di Aceh juga telah tersebar amalan tarekat; antara yang terkenal adalah Tarekat Qadiriyyah. Sultan-sultan Aceh mempunyai pegangan Tasawuf yang sangat kuat. Ilmu Tasawuf berjaya membentuk peribadi mulia lalu mendorong mereka untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan berjihad tanpa takutkan mati demi membela agama, bangsa dan negara.

Pada zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636), "Adat Makuta Alam" diperkenalkan. Adat-adat yang tidak Islamik dan dipusakai dari zaman Hindu dihapuskan dan diganti dengan Undang-

undang Islam. “Adat Makuta Alam” ini bersumberkan al-Qur’an, Hadis, Ijma’ ulama dan Qias. Agama Islam yang terpatri dalam kehidupan masyarakat Aceh memberi keyakinan kepada mereka untuk membela agama Islam dan negara berlandaskan konsep jihad fi sabilillah. Kesannya, bangsa Aceh terkenal dengan sifat berani melawan penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris (Lukman Thaib 1999:201). Teuku Ibrahim Alfian (2005:230) dalam hal ini menyatakan bahawa Sultan Iskandar Muda (1607-1636) adalah seorang sultan yang dapat mengelak setiap tekanan daripada pihak Portugis dan Belanda kesan daripada keyakinan tersebut.

Mengapa Bukhari al-Jauhari Menulis Kitab *Taj al-Salatin*?

Bukhari al-Jauhari menulis kitab *Taj al-Salatin* untuk dipersembahkan kepada Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1590-1604) sebagai sumbangan seorang ulama untuk membantu sultan menjalankan pemerintahan dengan baik menurut landasan al-Qur’an dan Sunnah.

Taj al-Salatin lahir kerana masalah perebutan takhta yang dihadapi oleh bangsawan Aceh pada akhir abad ke 16 dan awal abad ke 17M. Menurut Raden Hoesein Djajadiningrat (1982/1983:81) pada masa kitab ini ditulis, Aceh sedang dilanda kemelut politik dan krisis kepimpinan. Siddiq Fadzil (2005:122) membenarkan teori ini kerana menurutnya terdapat syair Hamzah Fansuri yang mengungkapkan ketidakpuasan hati terhadap perilaku politik sultan Aceh, para bangsawan dan pembesarnya yang tamak dan zalim. Oleh itu *Taj al-Salatin* muncul kerana rangsangan kemelut persekitaran Aceh pada waktu itu.

Abdul Hadi W. M. (2001:121-122), seorang pensyarah Universitas Gadjah Mada, di dalam bukunya bertajuk *Tasawuf yang Tertindas*, dalam hal ini ada menyatakan bahawa:

“Krisis yang berpanjangan ini timbul pada akhir masa pemerintahan Sultan ‘Ala al-Din Ri’ayat Syah al-Qahhar (1568-1571) yang dipicu oleh konflik di lingkungan keluarga sultan sendiri. Perang terbuka antara keluarga Sultan berkobar dengan cepat. Selama beberapa bulan sesudah Sultan al-Qahhar wafat kekacauan tidak terkendali lagi dan selama beberapa bulan itu pula Aceh diperintah oleh tiga orang sultan secara berturut-turut”

Selepas tahun 1574, Aceh menghadapi banyak rentetan masalah dalaman kerana perebutan kuasa di kalangan kerabat Diraja. Kepincangan dalam negeri seperti rampasan kuasa, fitnah-memfitnah dan pembunuhan berlaku. Ini menyebabkan struktur pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam menjadi lemah.

Umpamanya, menurut Raden Hoesein Djajadiningrat (1982/1983:81) lagi, Sultan Muda yang baru berumur 4 bulan telah mati dibunuh. Selain itu Sultan Sri Alam (1576), Sultan Zainal ‘Abidin (1577), Sultan ‘Alauddin dari Perak atau Mansur Shah (1577-1586) dibunuh oleh hulubalangnya, Sultan ‘Ali Ri’ayat Shah atau Raja Bujang mangkat dibunuh (1586-1588) dan berlaku perebutan kuasa di period akhir pemerintahan Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604).

Menurut *Hikayat Aceh*, Sultan ‘Alaudin Ri’ayat Shah al-Qahar sanggup membunuh abangnya sendiri untuk menaiki takhta malah menyumbat Sultan Salahudin⁴ ke dalam penjara bersama bondanya sekali. Beliau mangkat pada tahun 1571 dan diganti oleh anaknya Sultan Husain ‘Ali Ri’ayat Shah (1571-1579). Kemudian berlaku lagi perebutan kuasa yang mengakibatkan cucu al-Qahar, Sultan Muda berusia 4 bulan ditabalkan menjadi raja pada 1579. Beliau kemudiannya dibunuh; dipercayai atas arahan bapa saudaranya sendiri iaitu Sultan Mukmin Sri Alam. Sultan Mukmin dapat menaiki takhta tetapi dibunuh juga. Beliau diganti oleh anak saudaranya yang lain (Sultan Zainal ‘Abidin) yang juga mati dibunuh di atas takhta.

Akhirnya, para pembesar Aceh bersetuju menabalkan Sultan ‘Alauddin ibn Sultan Mansur Shah, iaitu anak sultan Perak pada tahun 1580. Sultan inilah yang disifatkan oleh al-Raniri dalam bab kedua *Bustan al-Salatin* “amat soleh dan muttaqin, lagi adil pada barang hukum, dan keras pada segala perintahnya. Dia mengasihi segala ulama, dan memelihara syariat Nabi Muhammad dan

menegahkan segala rakyatnya minum arak dan menyabung. Menyuruh segala hulubalangnya berjanggut dan memakai jubah dan berserban dan menyuruh segala rakyatnya sembahyang lima waktu dan puasa Ramadhan dan puasa sunnah dan memberi zakat” (Jelani Harun 2004:337). Sultan ini terbunuh pada tahun 1585. Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) terpaksa menaiki takhta semasa berumur 80 tahun semata-mata untuk memulihkan keadaan negara Aceh yang kucar-kacir akibat perebutan takhta.

Selepas itu berlaku lagi krisis dalam kepimpinan apabila Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) sudah uzur. Dua anak lelaki beliau sudah tidak sabar lagi untuk naik takhta dan terus bersengketa. Kekerasan mewarnai politik Aceh. Pada tahun 1604 salah seorang anaknya, Sultan Muda merebut takhta dari ayahnya dan memasukkan raja yang sudah uzur itu ke dalam penjara. Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) mangkat pada tahun itu juga. Pada tahun 1607, cucu Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) iaitu Johan Perkasa Alam merebut kembali takhta daripada pakciknya dan menggelar dirinya Sultan Iskandar Muda (Raden Hoessein Djajadiningrat 1979:45-46).

Kesimpulannya, *Taj al-Salatin* memberi perhatian dan tindak balas terhadap beberapa realiti semasa yang berlaku pada zamannya serta persekitaran di istana Kraton Dar al-Dunya di Aceh waktu itu. Pada hemat penulis, ada beberapa perkara didapati pernah berlaku dalam period tersebut, antaranya:

1. berlaku perebutan kuasa di istana Kraton Dar al-Dunya Kesultanan Aceh Dar al-Salam. Oleh sebab itulah kandungan *Taj al-Salatin* banyak berkisar tentang kualiti akhlak raja, menteri dan rakyat.
2. masyarakat Aceh pada waktu itu bersifat majmuk dengan kehadiran ramai ilmuan dan pedagang asing.
3. masyarakat Aceh tempatan adalah beragama Islam dan sangat suka kepada Tasawuf.

Oleh itu, tidak hairanlah jika Bukhari al-Jauhari menulis kitab *Taj al-Salatin* yang isinya banyak berlatarbelakang, berkisar dan bersangkut paut dengan persoalan-persoalan di atas. Pemikiran-pemikiran inilah yang terdapat di dalam kitab karangannya! Menurut Siddiq Fadzil (2005:121), wujudnya karya ulama seperti *Taj al-Salatin* ini secara langsung atau tidak langsung mengisytiharkan adanya masalah etika pada waktu itu. Oleh sebab itulah lahirnya karya penasihat khalifah yang membawa mesej edukatif, membimbing pemimpin tentang tatacara pemerintahan Islam di samping mengawal raja daripada terus bermaharajalela. Sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pendamping atau penasihat raja, para ulama ketatanegaraan Melayu ini menggunakan pendekatan dakwah tarbiyah dalam menasihati raja (Siddiq Fadzil 2005:121).

Kitab *Taj al-Salatin*

Kitab *Taj al-Salatin* merupakan antara kitab pertama di Alam Melayu yang menyentuh masalah politik dan pentadbiran kerajaan. Kitab ini ditulis dalam tulisan jawi yang cantik, boleh dibaca dengan baik dan menggunakan bahasa Melayu klasik. Ia cukup tersusun, mengandungi 24 fasal dan didahului dengan mukaddimah atau doksologi (Muhammad Haji Salleh 2001:1-3). Wrendly, van Esingan/Eijsinga dan Valentijn amat memuji kitab *Taj al-Salatin* ini. Roorda menyatakan bahawa *Mahkota Raja-raja* (erti bagi *Taj al-Salatin*) sebenarnya bermakna Mahkota segala naskhah Melayu. Menurut Eysinga yang dimuatkan dalam kata pengantar *Taj al-Salatin* terbitan 1827, buku tersebut bukan hanya mahkota bagi segala raja tetapi adalah mahkota bagi segala naskhah Melayu (Asdi S. Dipodjojo 1981:9).

Para sarjana berpendapat pengarangnya ialah Bukhari al-Jauhari. Dalam hal ini, Jelani Harun (2009:82) menyatakan:

Walaubagaimanapun identiti pengarang *Taj al-Salatin* masih menjadi tanda tanya. Adakah dia seorang yang berbangsa Parsi atau Melayu, adakah seorang peniaga batu permata dari

Bukhara atau Bukhari dari Johor. Winstedt (1940:94) mendakwa *Taj al-Salatin* adalah hasil kerja Parsi dari sumber India dan diterjemah ke Bahasa Melayu. Braginsky (1995) berpendapat bahawa kitab itu telah ditulis di Aceh untuk Sultan Alaudin Riayat Shah (1586-1604) dan kemungkinan besar berasal dari tradisi India dan Parsi.

Beliau dikatakan mempersembhkannya kepada Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1588-1604) sebagai satu sumbangan pemikiran dalam masalah kepimpinan. Ia dihasilkan dengan niat untuk menjadi petunjuk atau manual bagi raja-raja dalam pemerintahan mereka.

Tarikh dan Tempat Penulisan Kitab *Taj al-Salatin*

Tiada maklumat yang jelas bila kitab *Taj al-Salatin* mula dikarang. Walaupun begitu, beberapa orang sarjana seperti Werndly (1736) dan Winstedt berpendapat bahawa tarikh dan tempat *Taj al-Salatin* dikarang dan disiapkan adalah pada tahun 1603/1604 di Aceh. Ia diambil berdasarkan ayat dalam mukaddimah *Taj al-Salatin* karangan Bukhari al-Jauhari iaitu:

ماس كمليان كتاب اين بار عسيف يعدا فت معير اي سكل اكثار سفاي غيب ايت دن بيلاعن ابجد مك اورع ايت معتهويله فد
ماس مان فقير معار عكن كتاب اين

Masa kemuliaan kitab ini barangsiapa yang dapat mengirai segala aksara supaya ghaib itu dengan bilangan abjad, maka orang itu mengetahui pada masa mana fakir mengarang kitab ini. (Muhammad Haji Salleh 2001:6)

Sehubungan itu, menurut Muhammad Haji Salleh (2001:12), perkataan 'ghaib' dan huruf *gha.i.b* (gha', ya', ba') diberi nilai seperti berikut: (gha':1000, ya':10, ba':2) kesemuanya berjumlah 1012 Hijrah bersamaan 1603 M.

Jelani Harun (2003:13) dalam hal ini juga bersetuju bahawa kitab ini selesai ditulis pada tahun 1603 M. Beliau menyatakan bahawa:

Taj al-Salatin (The Crown of the Kings) is one of the masterpieces in Malay literature. The text was written in 1603 or 1604 by Bukhari al-Jauhari in twenty four sections (Fasal) and deals with various topics concerning the duties of kings and court officials, with the concept of justice as its central theme. (Jelani Harun 2009:84)

Edisi Kitab *Taj al-Salatin*

Terdapat sekurang-kurangnya 28 edisi manuskrip *Taj al-Salatin* yang ditemui. Dari Aceh, *Taj al-Salatin* disalin dan tersebar ke tempat lain seperti Jakarta, Tanah Melayu, Brussels, Leiden, London dan Oxford (Jelani Harun (2003:50). Selain itu, kitab *Taj al-Salatin* ini telah diterjemah ke dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Jawa, kitab ini telah disadur dan diberi judul *Serat Tajussalatin*. Kitab *Taj al-Salatin* bukan sahaja terdapat dalam bentuk manuskrip tulisan tangan tetapi juga pernah diterbitkan dengan tulisan cap batu di Johor Bahru pada tahun 1875.

Menurut Henri Chambert-Loir (1993:597) dalam artikelnya bertajuk *Naskhah-naskhah Melayu dari Pulau Sumbawa*, pada tahun 1983, beliau dapati masih tersimpan sebuah manuskrip *Taj al-Salatin* yang disalin pada abad ke-19M di Kabupaten Dompu, Pulau Sumbawa, Indonesia. Ini menunjukkan bahawa pengedarannya meluas, menjadi bacaan umum penduduk Nusantara dan digunakan sebagai panduan dalam pemerintahan raja-raja Melayu.

Pengaruh Kitab *Taj al-Salatin*

Menurut T. Iskandar (1967), *Taj al-Salatin* memberi pengaruh dan impak yang besar di kalangan raja-raja Melayu, Aceh dan Jawa dalam pemerintahan kerajaan mereka sejak ia ditulis di awal abad ke 17 hingga akhir abad ke 18 M. Antara kitab yang dipengaruhi oleh kitab *Taj al-Salatin* ini ialah kitab *Bustan al-Salatin* (oleh Nuruddin al-Raniri), *Salasilah Kutai*, *Serat Wedatama* (oleh Mangkunegara IV) dan *Tsammarat al-Muhimmah* (oleh Raja Ali Haji). Selain itu menurut Woro Aryandini S.

(1997:1) *Serat Tajusalatin*, sebuah khazanah sastra Jawa telah digubah dari kitab *Taj al-Salatin* pada tahun 1726, di zaman Raja Pakubuwana II.

Banyak peristiwa yang berlaku di Aceh pada abad ke 17M disebabkan oleh pengaruh kitab ini misalnya, penerimaan putera raja dari Pahang sebagai anak angkat Iskandar Muda disebabkan baginda melihat melalui firasat (berdasarkan kitab *Taj al-Salatin*) bahawa kanak-kanak itu akan mendapat kebahagiaan apabila besar kelak. Putera raja Pahang tersebut kemudiannya dikahwinkan dengan puterinya Sultanah Safiatuddin dan akhirnya menggantikan baginda menjadi raja di Aceh dengan gelaran Sultan Iskandar Thani. Kitab *Taj al-Salatin* juga mempengaruhi pemikiran pembesar Aceh pada masa itu untuk memilih Sultanah Safiatuddin menjadi ketua kerajaan. Dalam kitab itu ada menyatakan jika sesebuah negeri itu tiada mempunyai keturunan putera raja yang lelaki, seorang perempuan bolehlah dilantik menjadi raja kerana terpaksa berbuat demikian.

Kebetulan, pada masa Sultan Iskandar Thani mangkat, baginda tidak mempunyai anak lelaki. Jadi, isterinya Sultanah Safiatuddin yang juga anak kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dijadikan ratu Aceh bergelar Sri Sultanah Tajul Alam Safiatuddin.

C. Hooykass menyatakan bahawa Sultan Hussein Shah, raja Singapura pernah menggunakan kitab ini sebagai rujukan untuk menolak syor cadangan Raffles. Winstedt pula menyatakan bahawa gambaran Abdullah Munsyi mengenai Raffles dan alamat roman mukanya dikutip daripada kitab *Taj al-Salatin* (Teuku Iskandar 1965:108-110). Kitab *Taj al-Salatin* ini bukan sahaja terkenal di negeri-negeri Melayu, Pulau Sumatera dan Tanah Jawa, malahan ia juga dipelajari oleh golongan raja dan rakyat biasa.

Sejak ia ditulis pada awal abad ke 17 hingga akhir abad ke 19M, banyak salinan telah dibuat. Ini menunjukkan bahawa pengedarannya meluas dan menjadi bacaan umum penduduk Nusantara sama ada dari kalangan pemimpin, raja-raja Melayu, kaum terpelajar dan rakyat jelata. Kitab *Taj al-Salatin* juga disimpan dan dibaca oleh bangsawan di istana Kedah, Johor selain disimpan di perpustakaan Brussels dan Jakarta (A. Hasjmy 1977:114). *Taj al-Salatin* juga digunakan oleh raja-raja di Pulau Jawa sebagai pedoman dalam pentadbiran mereka (T. Iskandar 1967).

Kandungan kitab *Taj al-Salatin*

Kitab *Taj al-Salatin* ini yang ditulis dalam tulisan jawi mempunyai 24 Fasal. Kandungan fasal tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 1: Berkisar tentang bagaimana manusia mengenal dirinya.

Fasal 2: Menyatakan peri mengenal tuhan.

Fasal 3: Hakikat kehidupan manusia di dunia. Manusia diumpamakan sebagai perantau dan dunia ini hanyalah tempat persinggahan sementara untuk menuju ke alam akhirat yang kekal abadi.

Fasal 4: Menyatakan tentang kesudahan hidup di dunia, setiap orang pasti akan mati. Tidak ada kecuali biarpun seorang raja atau pembesar, mulia atau hina, akan melalui jalan yang sama dan menuju ke tempat yang sama.

Fasal 5: Diterangkan bagaimana kebesaran atau kemuliaan seorang raja, kekuasaan dan kedaulatan kerajaannya.

Fasal 6: Cara menjalankan keadilan. Allah menyuruh manusia berbuat baik dan adil kerana ia adalah asas kedamaian dan keselamatan hidup di dunia.

Fasal 7: Menyatakan sifat raja yang adil. Raja mesti banyak bergaul dengan ulama yang soleh. Bersifat bijaksana dan menjaga rakyatnya daripada ditindas oleh pembesar yang zalim.

Fasal 8: Menyatakan tentang raja yang kafir tetapi adil antaranya Raja Nusyirwan.

Fasal 9: Menyatakan tentang raja-raja yang zalim.

Fasal 10: Menyatakan tentang menteri atau penasihat raja.

Fasal 11: Menyatakan pekerjaan seorang penulis.

Fasal 12: Menyatakan tentang utusan.

Fasal 13: Tentang sifat pegawai.

Fasal 14: Menyatakan cara mendidik anak.

Fasal 15: Menyatakan hemat yang besar.

Fasal 16: Menyatakan budi.

Fasal 17: Menyatakan syarat-syarat sebuah kerajaan.

Fasal 18: Menyatakan tentang qiafah dan firasat.

Fasal 19: Tanda qiafah dan firasat.

Fasal 20: Hubungan antara rakyat beragama Islam dengan rajanya.

Fasal 21: Menyatakan tentang hubungan raja dan rakyat yang kafir.

Fasal 22: Kedermawanan dan kemurahan hati.

Fasal 23: Menyatakan wafa' dan 'ahd.

Fasal 24: Penutup; menyatakan kesudahan kitab ini.

Kitab *Taj al-Salatin* ini mempunyai banyak terdapat ciri penulisan kitab yang berasal dari Parsi umpamanya seperti penggunaan masnawi, ruba'i, ghazzal dan namruz. Ia juga banyak merujuk kepada kitab Parsi seperti *al-Akhlak al-Muhsinin*, *Akhbar al-Muluk* dan *Minhaj al-Salatin*. Secara umumnya, isi kitab *Taj al-Salatin* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Satu bahagian tentang sejarah manusia, dunia dan penciptaannya serta konsep tauhid.
2. Satu bahagian lagi tentang cara mentadbir kerajaan, konsep keadilan dan adab ketatanegaraan.
3. Satu bahagian lagi tentang aspek pendidikan dalam pelbagai ilmu.

Dari segi komposisi peratusan pula, panduan pemerintahan dan adab ketatanegaraan menyumbang kepada 50% kandungan kitab *Taj al-Salatin*. Selain itu, perkara yang berkaitan dengan agama Islam 17% (sejarah manusia, dunia dan penciptaannya serta konsep tauhid) dan 33% lagi adalah ilmu-ilmu yang pelbagai seperti cara mendidik anak, tentang akal, qiafah dan firasat. Aspek hubungan luar negara, salasilah raja-raja Aceh dan penjajahan tidak dibahaskan. Perkara ini akan dibincangkan oleh penulis dalam bab ketiga nanti.

Impak dan Pengaruh Kitab *Taj al-Salatin* Di Aceh

Impak dan pengaruh positif kitab *Taj al-Salatin* amat besar kepada masyarakat Melayu khususnya di Aceh dan di Alam Melayu. Apa yang menarik untuk diteliti ialah kelahiran *Taj al-Salatin* pada tahun 1603 M adalah beberapa tahun sebelum zaman kegemilangan Kesultanan Aceh Dar al-Salam di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636M). Adakah ia kebetulan? Penulis berpendapat ia bukan satu kebetulan. *Taj al-Salatin* adalah pemangkin kepada kegemilangan tersebut. Semua amalan baginda dalam pemerintahan seperti pelaksanaan Qanun Asyi atau Qanun Mahkota Alam (undang-undang Islam) menyumbang kepada kegemilangan dan kemakmuran Kesultanan Aceh Dar

al-Salam. Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa gagasan dalam kitab ini memberi pengaruh yang cukup besar kepada pemikiran politik sultan dan rakyat Aceh. Buktinya, Abdul Hadi W.M. (2005:217) dalam artikelnya yang bertajuk *Aceh dan Kesusasteraan Melayu* telah mengaitkan *Taj al-Salatin* dengan tradisi politik masyarakat Melayu. Beliau menyatakan bahawa:

Gagasan dan kisah-kisah yang dikandung dalam buku ini memberi pengaruh besar pada pemikiran politik dan tradisi intelektual Melayu.

Oleh itu, penulisan selanjutnya ini akan memaparkan beberapa keadaan yang menunjukkan bahawa *Taj al-Salatin* dijadikan panduan dalam pemerintahan sultan-sultan Aceh. Pada awalnya, *Taj al-Salatin* yang dikarang pada zaman pemerintahan Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil⁵ dan ada disimpan⁶ di istana Darul Dunia, dilihat tidak memberi kesan yang begitu ketara kepada pemerintahan baginda. Pengkaji dapati, kesan dan pengaruh yang paling dirasakan adalah pada zaman pemerintahan cucunya iaitu Sultan Iskandar Muda, Sultan Iskandar Thani dan Sultanah Safiatuddin. Nampak ketara bahawa politik pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam lebih tersusun seiring dengan fatwa *Taj al-Salatin*. Apabila dibuat perbandingan antara sejarah yang telah berlaku dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam dengan idea-idea dalam kitab *Taj al-Salatin*, pengkaji dapati bahawa semua pemikiran⁷ tersebut, yang kebanyakannya dari pemikiran al-Ghazali telah diamalkan oleh Sultan Iskandar Muda, Sultan Iskandar Thani⁸ dan Sultanah Safiatuddin.

Dalam sejarah pengarang Melayu tradisional, *Taj al-Salatin* adalah perintis kepada hubungan vertikal dan horizontal seseorang pemimpin. Ini adalah kesan daripada pengaruh persekitaran di Aceh pada waktu itu yang rata-ratanya mengamalkan ajaran Tasawuf Islam. Hak-hak Allah S.W.T. dan hak-hak sesama manusia dibahaskan dalam kitab *Taj al-Salatin*. Tradisi ini kemudiannya diteruskan oleh Nuruddin al-Raniri dalam *magnum opus*nya *Bustan al-Salatin*. Menurut Abdul Hadi W. M. dan Brakel (1970:9), salah satu sumbangan signifikan *Taj al-Salatin* adalah mewujudkan hubungan yang harmoni antara raja dan rakyat dalam sebuah pemerintahan, serta hubungan antara manusia dan Allah S.W.T. sebagai Penciptanya. Ia adalah rentetan daripada konsep raja sebagai pemimpin atau ketua negara yang bergelar “*zillullah fil ‘alam*”⁹ sebagaimana yang tercatat di dalam kitab *Nasihah al-Muluk* karangan al-Ghazali. Kaitan dan hubungan dengan Allah S.W.T. inilah yang paling penting dalam aspek politik bernegara. Ini kerana politik dan agama adalah satu unit yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu nilai-nilai seperti taat, setia dan hormat kepada raja diamalkan oleh rakyat Aceh kerana sultan memegang amanah Allah S.W.T. di muka bumi untuk mengatur urusan rakyat jelata. Abdul Hadi W.M. (2005:201-202) menulis:

Negara tidak lagi dipandang sebagai sekadar refleksi dari kedirian seorang raja, melainkan juga sebagai pranata yang merupakan wadah terwujudnya kesatuan yang harmonis antara raja dan rakyat, dan antara makhluk dan Khalik. *Taj al-Salatin* (1603) karya Bukhari al-Jauhari adalah kitab paling awal yang menandakan hadirnya fenomena ini. Inilah salah satu kontribusi besar Aceh bagi pemikiran dan peradabannya di Kepulauan Nusantara.

Salah satu pengaruh *Taj al-Salatin* yang signifikan ialah penggunaan istilah “*sultan yang adil*” dalam matawang Aceh; seperti istilah “*Sultan al-Adil*” dan “*Malikul al-Adil*” serta istilah nama jawatan; *Qadi Malik al-Adil*¹⁰ yang setaraf dengan Mufti negara pada hari ini. Dalam hal ini, Teuku Ibrahim Alfian (2005:123) menjelaskan:

Mengapa raja-raja Samudra Pasai, Aceh dan raja-raja di Semenanjung Tanah Melayu merasa perlu mencantumkan ungkapan raja yang adil atau al-Sultan al-Adil serta al-Malik al-Adil dalam mata wang mereka? Suatu petunjuk dapat ditemukan dalam kitab *Tajussalatin* atau Mahkota Segala Raja karya Bukhari al-Jauhari di istana Aceh pada 1603. Dalam edisi *Taj al-Salatin* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (1965) yang diusahakan oleh Khalid Hussain ditemukan petikan ayat al-Qur’an Surah al-Nahl ayat 90 yang mafhumnya: ‘Bahawa Allah S.W.T. Ta’ala menitahkan akan adil dan ihsan’.

Selain itu, menurut Teuku Ibrahim Alfian lagi, penggunaan ayat al-Qur’an Surah al-Nahl 16:90 (maksudnya: “Bahawa Allah S.W.T. Ta’ala menyuruh untuk berbuat adil dan ihsan”) yang

terdapat dalam kitab *Taj al-Salatin* telah tersebar luas di Alam Melayu. Ayat al-Qur'an ini sering digunakan dalam khutbah Solat Jumaat sehingga kini, bukan sahaja di Aceh tetapi juga di seluruh Indonesia dan Malaysia.

Menurut Khalid M. Hussain (1992:xxiii-xxiv), selain Sultan Iskandar Muda memilih Sultan Alauddin Mughayat Shah¹¹ dari Pahang untuk menjadi menantunya melalui ilmu firasat yang terkandung dalam *Taj al-Salatin*, pemilihan permaisuri Sultan Iskandar Thani iaitu Sultanah Safiatuddin menjadi sultanah di Aceh juga berdasarkan kepada syarat yang terdapat dalam *Taj al-Salatin*. Ini susulan daripada kematian Sultan Iskandar Thani yang tiada mempunyai waris anak lelaki untuk dilantik sebagai sultan. Oleh itu Sultanah Safiatuddin yang merupakan isteri beliau dan anak Sultan Iskandar Muda "terpaksa" dilantik sebagai sultanah pertama di Aceh. Impak kitab *Taj al-Salatin* juga boleh dilihat dari segi pelaksanaannya. Fatwa Bukhari al-Jauhari di dalam kitab *Taj al-Salatin* contohnya seperti penggunaan tirai¹² *dewangga sutera* (di Balai Besar Kraton Dar al-Dunia) dan amalan menutup aurat bagi sultanah wanita telah dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa kitab tersebut merupakan manual dan bahan rujukan penting dalam pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam.

Sultan Iskandar Muda terkenal kerana bersifat adil dalam melaksanakan undang-undang Islam. Sebagai contoh, baginda telah menjatuhkan hukuman rejam kepada anaknya sendiri iaitu Meurah Pupok yang telah berzina dengan isteri seorang perajurit Aceh. Kubur Meurah Pupok boleh dilihat hingga ke hari ini di tengah-tengah kawasan perkuburan askar Belanda di Banda Aceh. Peristiwa ini mengingatkan kita kepada kisah keadilan Khalifah Umar al-Khattab dan Khalifah Umar Abdul Aziz yang dimuatkan di dalam *Taj al-Salatin*. Ini menunjukkan bahawa fatwa dalam *Taj al-Salatin* diamalkan oleh sultan-sultan Aceh selepas terhasilnya kitab *Taj al-Salatin*. Rakyat juga takut untuk melanggar undang-undang. Kesannya, zaman Sultan Iskandar Muda memerintah Aceh dikenali sebagai zaman kegemilangan Kesultanan Aceh Dar al-Salam hasil dari keamanan dan kemakmuran negara.

Selain itu, amalan beragama seperti zikir dan tarekat juga diamalkan oleh sultan dan rakyat Aceh¹³. Hal ini sesuai dengan nasihat Bukhari al-Jauhari dalam *Taj al-Salatin*. Sultan-sultan Aceh seperti Sultan Iskandar Muda diketahui memang ada mengamalkan Tarekat Qadiriyyah. Kesannya ialah hati mereka lunak untuk mendengar nasihat yang baik dan tidak takut mati kerana telah faham konsep tauhid yang sebenar. Kemuncak dari amalan tersebut ialah pada tahun 1629M, perajurit dan armada Aceh yang paling besar dan gagah berani dalam sejarah Aceh diketuai oleh Sultan Iskandar Muda dan Shamsuddin al-Sumaterani telah berusaha untuk membebaskan Melaka dari tangan penjajah Portugis. Usaha ini gagal dan berakhir dengan kematian ramai askar Aceh termasuklah Shamsuddin al-Sumaterani. Selepas kekalahan dalam perang tersebut, kuasa armada laut Aceh di Selat Melaka mulai lemah.

Gandingan umara dan ulama¹⁴ dalam mentadbir negara juga diperkasakan oleh Sultan Iskandar Muda. Gandingan ini berjaya membawa Aceh ke mercu kegemilangan sepanjang sejarahnya. Sejak daripada zaman pemerintahan Sultan Sayyid al-Mukammil yang rapat dengan Hamzah Fansuri, sultan-sultan Aceh diketahui umum amat rapat dengan para ulama. Contohnya Sultan Iskandar Muda rapat dengan Shamsuddin al-Sumaterani, Sultan Iskandar Thani pula amat rapat dengan Nuruddin al-Raniri dan Abdul Rauf Singkil juga diketahui menjadi penasihat kepada empat orang sultanah yang memerintah Aceh selama 59 tahun. Syeikh Jalaluddin al-Tursani, seorang ulama yang juga merupakan anak murid Abdul Rauf Singkil telah dipilih menjadi Qadi Malik al-Adil dalam dua pemerintahan, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan 'Alaiddin Maharajalela Ahmad (1727-1736 M) dan Sultan Alaidin Johan Shah (1736-1760 M).

Hubungan erat dan gandingan umara-ulama ini berterusan selama beberapa abad sehinggalah Snuck Hurgronje memberi idea kepada askar Belanda supaya memerangi dan membunuh ulama terlebih dahulu untuk melemahkan penentangan sultan terhadap penjajahan Belanda di Aceh. Sebelum itu, usaha untuk memerangi dan memakzulkan sultan Aceh sering sahaja menemui kegagalan kerana penentangan terhadap penjajahan Belanda diketuai oleh golongan ulama dan pemimpin masyarakat. Sehubungan itu, ramailah ulama yang dibunuh oleh askar Belanda termasuklah

Tengku Cik di Tiro dan pejuang Aceh yang lain. Kemudian barulah Sultan Muhammad Daud, iaitu sultan terakhir Aceh menyerah diri, dimakzulkan dan dihilangkan kuasanya sebagai sultan oleh penjajah Belanda. Peristiwa yang tercatat dalam sejarah Kesultanan Aceh Dar al-Salam ini menunjukkan bahawa tunjang kekuatan sultan di Aceh adalah para ulama yang merupakan pewaris para nabi.¹⁵

Selain itu, sebuah naskhah *Taj al-Salatin* (naskhah II Bat. Gen. 286. A Notulen 23, Dis. 1901) yang dimiliki oleh Raja Kemala telah diterbitkan di Semarang, Jawa dalam tulisan jawi. Di naskhah tersebut tertulis “Wakaf Allah S.W.T. Ta’ala kepada Nadzir Seri Paduka Tuanku Raja Keumala adanya, 19 Syaaban 1317” (Khalid M. Hussain 1992:xii). Oleh kerana pengkaji tidak menjumpai catatan tentang mengapa Raja Kemala menyimpan *Taj al-Salatin*, pada hemat penulis kitab ini dijadikan panduan untuk memerintah penduduk Kemala¹⁶ dengan adil. Daerah tersebut terletak di Pidie dan diperintah oleh Raja Kemala. Ia pernah menjadi benteng terakhir Kesultanan Aceh sebelum kesultanan tersebut dibubarkan oleh penjajah Belanda pada tahun 1903M. Perjuangan masyarakat Aceh melawan penjajahan Belanda ini adalah berpandukan kepada fatwa di dalam kitab *Taj al-Salatin* tentang orang kafir *dzimmi* dan kitab *Hikayat Perang Sabil* yang selalu dibaca untuk menaikkan semangat jihad pejuang Aceh.

Selain itu, kitab *Safinat al-Hukkam fi Takhlis al-Khisham* (Bahtera Para Hakim dalam Penyelesaian Pertentangan), karangan Jalaluddin al-Tursani merupakan salah satu kitab yang mendapat pengaruh *Taj al-Salatin* di Aceh. Kitab ini, yang menjelaskan perkara yang berkaitan tentang perselisihan faham dan kesaksian dalam menyelesaikan persengketaan, ditulis atas permintaan Sultan Alauddin Johan Shah (1735–1760 M), putera Sultan Alauddin Ahmad Shah (1726–1735 M). Menurut Abdul Hadi WM.(2005:248-249):

Butir-butir yang dikemukakan mengenai rukun kerajaan itu dijumpai juga dalam *Taj al-Salatin*. Begitu pula huraian dalam *Safinat al-Hukkam* tentang sifat-sifat yang wajib dimiliki seorang raja...

Taj al-Salatin juga telah cuba memberi panduan tentang politik masyarakat majmuk pada abad ke 17 M. Pemikiran Bukhari al-Jauhari dalam *Taj al-Salatin* tentang rakyat dalam sebuah negara Islam terbahagi kepada dua iaitu rakyat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam seperti yang telah dibincangkan dalam bab kedua dahulu. Penduduk di Banda Aceh adalah 99% beragama Islam. Syiar agama Islam kelihatan jelas di mana-mana. Ini adalah kesan daripada fatwa Bukhari al-Jauhari dalam *Taj al-Salatin*. Semasa pengkaji berada di Banda Aceh, didapati bahawa agama Islam memang dikawal ketat. Hanya ada sebuah gereja Kristian¹⁷ yang kecil sahaja di Banda Aceh berbeza dengan masjid yang ada di setiap kampung dan bandar. Ini menunjukkan fatwa Bukhari al-Jauhari dilaksanakan. Ajaran agama lain juga dapat dihalang penyebarannya di kalangan umat Islam. Hal ini menunjukkan pemikiran Bukhari al-Jauhari melampaui zaman dan masih boleh digunapakai hingga hari ini untuk mengelak gejala murtad, tidak seperti di tempat-tempat lain di Indonesia.

Impak dan Pengaruh Kitab *Taj al-Salatin* di Alam Melayu

Dari Aceh, *Taj al-Salatin* beredar ke seluruh pelusuk Pulau Sumatera, Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Pulau Jawa. Kitab *Taj al-Salatin* ini dikatakan telah digunapakai oleh raja-raja di Johor-Riau yang menggantikan Aceh sebagai pusat keilmuan Islam di Alam Melayu. Pengaruh Aceh di dalam Kesultanan Johor-Riau (1650-1800M) amat banyak seperti penggunaan batu nisan bersayap Aceh di makam sultan dan pembesar di Johor, Pahang dan Kepulauan Riau. *Taj al-Salatin* dan *Sulalah al-Salatin* juga didapati ada dalam simpanan Sultan Mahmud Shah Mangkat Dijulang (1685-1699M) yang merupakan waris terakhir keturunan sultan Melaka sebelum diambil alih oleh keturunan Bendahara. Baginda, yang mempunyai darah keturunan Aceh melalui sebelah bondanya telah mendapat bimbingan daripada gurunya yang bernama Satila Salam.¹⁸

Selain itu, *Taj al-Salatin* begitu berpengaruh hingga abad ke-19M dan didapati ada disimpan dan dijadikan panduan untuk memerintah oleh raja-raja Melayu; contohnya seperti di Kedah dan Johor. Naskhah tersebut telah dijumpai di sana dan disimpan oleh keluarga diraja Kedah dan Johor

turun-temurun. Oleh itu tidak hairanlan jika *Taj al-Salatin* juga pernah dicetak menggunakan huruf litografi di Johor Baru pada tahun 1875M. Abdul Hadi W.M. (2005:268-269) dalam hal ini menyatakan:

Kitab-kitab para ulama dan sufi Aceh dijadikan sumber rujukan utama di samping kitab-kitab Arab, dan tidak sedikit pula dijadikan kitab wajib di berbagai lembaga pendidikan di Nusantara.

Di Singapura, Munsyi Abdullah cuba mengetahui watak Raffles dari air mukanya berdasarkan ilmu firasat di dalam kitab *Taj al-Salatin*. Dalam bukunya "*Kisah Pelayaran Abdullah*", Munsyi Abdullah telah menasihatkan raja-raja di negeri Kelantan supaya membaca *Taj al-Salatin* untuk mengetahui tanggungjawab sebagai raja. Sultan di Singapura juga menolak usul Raffles berdasarkan tugas dan tanggungjawab raja seperti yang tercatat di dalam *Taj al-Salatin*. (Khalid M. Hussain 1992:xxiii).

Raja-raja di Pulau Jawa seperti Sultan Yogyakarta, Solo dan Mataram juga menggunakan *Taj al-Salatin* (versi Jawa) untuk melaksanakan tugas pemerintahan negara dan memilih pegawai di istana. Ia juga menjadi bahan bacaan pembesar Jawa dan rakyat jelata. Teuku Ibrahim Alfian (2005:124) ada menyatakan bahawa:

Demikian pentingnya sebagai kitab pegangan bagi raja-raja di Nusantara, raja-raja Mataram Islam di Jawa merasa perlu menterjemahkan kitab *Tajussalatin* yang ditulis dalam bahasa Melayu itu ke dalam bahasa Jawa dengan judul *Serat Tajussalatin* yang sampai sekarang ini manuskripnya masih tersimpan di Istana Sultan Yogyakarta.

Selain raja-raja Jawa, *Taj al-Salatin* juga digunakan oleh pemerintah Belanda seperti Van Der Wall untuk mentadbir Pulau Jawa di zaman penjajahan dahulu. Khalid M. Hussain (1992:xiii) dalam hal ini ada menyatakan bahawa:

Sebaliknya kitab *Tajus Salatin* dipakai sebegitu luas sekali di gugusan pulau-pulau Melayu malahan oleh penganjur-penganjur bangsa Belanda waktu mereka menjajah Indonesia selama 350 tahun. (Khalid M. Hussain 1992:xiii)

Selain itu naskhah *Taj al-Salatin* ada disimpan di Jakarta, Leiden, Brussels dan London. (Khalid M. Hussain 1992:xi-xii) Ini menunjukkan pengaruh *Taj al-Salatin* sangat besar sehingga berulang kali disalin¹⁹, diterjemah ke bahasa-bahasa lain dan disimpan di seluruh dunia sehinggalah hari ini. Di Perpustakaan Negara Malaysia juga terdapat sebuah manuskrip Undang-undang Minangkabau (MSS 1589) yang kaya dengan pelbagai aturan adat-istiadat, pengajaran dan teladan kepada para pembaca. Manuskrip ini mengandungi undang-undang yang berasal dari Minangkabau dan merupakan satu sumber penting tentang sistem dan aturan hidup yang pernah diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Di samping itu, manuskrip ini juga mengandungi pelbagai panduan tentang adab pemerintahan raja-raja yang disadur daripada *Taj al-Salatin* karangan Bukhari al-Jauhari. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bagaimana pengaruh *Taj al-Salatin* telah meresapi penulisan undang-undang dari Minangkabau itu.

Pengaruh *Taj al-Salatin* jelas kelihatan dalam *Kitab Adab Raja-Raja* yang masih dalam bentuk manuskrip disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (MS 32). (Asma Ahmat 1994: 119-128). Selain itu, pengaruh *Taj al-Salatin* juga dapat dilihat dalam *Kitab Kumpulan Ringkas Berbetulan Lekas*. Sekurang-kurangnya ada lapan fasal, iaitu daripada fasal kesebelas hingga fasal kelapan belas, dalam kitab itu merupakan salinan daripada fasal kesepuluh hingga fasal kedua puluh tiga daripada kitab *Taj al-Salatin* (Asma Ahmat 1994: 124).

Kesimpulannya, impak kitab *Taj al-Salatin* telah menyumbang ke arah kemaslahatan dan kegemilangan Kesultanan Aceh di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Selain itu, pengaruh dan keberkatan kitab tersebut juga telah dapat dilihat di seluruh Nusantara.

Kesimpulan

Bukhari al-Jauhari adalah contoh seorang ulama Mujaddid yang berdakwah dan memberi nasihat untuk membetulkan keadaan di istana Dar al-Dunia Kesultanan Aceh Dar al-Salam yang huru-hara pada waktu itu. Ini kerana tokoh-tokoh pemikir dan ilmuwan sepanjang sejarah hidup pelbagai bangsa dan zaman memang tidak dapat tinggal dalam sebuah negara yang penuh dengan pergolakan, kekacauan dan kepincangan. Suasana seumpama ini akan membantutkan aktiviti intelektual mereka.

Apabila kita mengimbau kembali sejarah, Kesultanan Aceh Dar al-Salam dikatakan telah mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M), iaitu selepas beberapa tahun kemunculan kitab *Taj al-Salatin* (1603M) di Aceh. Adakah ia hanya satu kebetulan? Pada tanggapan penulis ia bukanlah satu kebetulan. Kelahiran kitab *Taj al-Salatin* merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kegemilangan tersebut. Hasilnya akan wujud sebuah tamadun Melayu yang aman, makmur dan bertamadun tinggi.

Bukhari al-Jauhari, di dalam kitabnya tidak mensyaratkan kemajuan material sebagai sebuah negara yang ideal seperti kaya dari segi kebendaan, mempunyai prasarana berkelas dunia dan bangunan pencakar langit. Sebagai contoh, Banda Aceh yang menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam dari dahulu sehingga hari ini tidak mempunyai semua itu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa berada di Banda Aceh, rakyatnya hidup cukup sederhana.

Pemimpin negara mestilah benar-benar menepati frasa “*bayang Allah di muka bumi*”. Rakyat pula mesti mengutamakan iman dari nafsu, mempunyai ilmu pengetahuan yang boleh digunapakai dalam semua aspek kehidupan, mengamalkan akhlak-akhlak yang mulia, menjadi “hamba” Allah S.W.T. yang sebenar serta patuh kepada undang-undang Islam untuk keamanan dan kemakmuran sejagat. Selain itu, golongan ulama juga mestilah dimuliakan dan seterusnya semua rakyat mempunyai peranan masing-masing dalam kehidupan mereka sehari-hari. Sifat zalim dan mementingkan *nafsu ammarah* tiada tempat dalam sebuah negara ideal anjuran pengarang kitab *Taj al-Salatin* ini.

RUJUKAN

- Abdul Hadi W. M. 2001. *Tasawuf yang Tertindas; Kajian Hermeneutic Terhadap Karya-karya Hamzah Fansuri*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- Abdul Hadi, W.M. 2005. Aceh dan Kesusasteraan Melayu. Dlm. *Aceh Kembali ke Masa Depan*. Jakarta: IKJ Press.
- Ali Hasjmy. 1986. *Adat Bak Poteumeureuhoom Hukoom Bak Syiah Kuala*. Prosiding Seminar Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan 20-24 Januari 1986 di Aceh.
- Asdi, S. Dipodjojo. 1981. *Tajussalatin*. Yokyakarta: Percetakan Lukman.
- Bukhari al-Jauhari. 2001. *Taj al-Salatin*. pengenalan oleh Muhammad Haji Salleh. Yayasan Warisan Johor.
- Bukhari al-Jauhari. 1992. *Taj Us-Salatin*. Khalid M Hussain (pnyg.) Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambert-Loir, Henri. 1993. Naskhah-naskhah Melayu dari Pulau Sumbawa. Dlm. Ismail Hussein (pngr.). *Tamadun Melayu*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crone, Patricia 2004. *Medieval Islamic Political Thought*. Edinburgh: University Press.
- Darwis, A. Soelaiman. 1988. Aceh dalam Konteks Dunia Melayu. *Prosiding Seminar Dunia Melayu*, hlm. 1-9.
- Dayan Dawood. 2000. Aceh Serambi Makkah. *Journal of Alternative Political Economy* 2: 37-60.

- Hamdan Hassan. 1994. Tradisi Penulisan Intelektual Islam di Alam Melayu. Universiti Brunei Darussalam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei di Nusantara*, hlm. 1-13.
- Harun Mat Piah. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasjmy, A. 1961. *Ichthisar Susunan dan Sistem Keradjaan Atjeh di Zaman Sultan Iskandar Muda*. Banda Aceh: t.pt.
- Hasjmy, A. 1977. *Sumbangan Kesusasteraan Aceh dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ibrahim Alfian, Teuku Hj. 2005. Kerajaan Aceh Darussalam: Sebuah Wacana Singkat. *Prosiding Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara*, hlm. 220-233.
- Iskandar, T. 1996. *Kesusasteraan Melayu Klasik Sepanjang Abad*. Jakarta: Libra.
- Jelani Harun (pngr.). 2003. *Ilmu Kesusasteraan Abad ke-21*. Penerbit USM. Pulau Pinang.
- Jelani Harun. 1996. *Bustan al-Salatin: Konsep Sejarah Dunia dari Perspektif Historiografi Islam*. Dewan Sastera Mac: 34.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2004. Pemikiran Melayu Tentang Keadilan Raja: Satu Analisis Berdasarkan Karya Adab Ketatanegaraan. Dlm. Worawit Baru Haji Ahmad Idris (pngr.). *Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2005. Ilmu Firasat Melayu. Dlm. *Kepustakaan Ilmu Tradisional*. Rogayah A. Hamid, Mariam Salim (pngr.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2006. Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin: Adab Ketatanegaraan Kesultanan Trengganu. Dlm. Rogayah A. Hamid. *Kesultanan Melayu Trengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2009. *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Junus Djamil, M. 2009. *Gerak Kebangkitan Aceh*. Bandung: Bina Biladi Press.
- Kathirithamby-Wells, J. 1968. Acehese Control over West Sumatra up to the 1663 Treaty of Painan. *Proceeding International Conference on Asian History*, hlm.5-10.
- Muhammad Haji Salleh (pngr.). 2001. *Taj al-Salatin*. Yayasan Warisan Johor.
- Marsden, W. 2008. *History of Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University.
- Mustafa Abu Bakar. 2010. Kesultanan Johor di Kota Tinggi. Temubual, 9 Oktober.
- Lukman Thaib. 1999. Konflik bersenjata Aceh. *Pemikir* 2: 199-219.
- al-Raniri, Nuruddin. 2004. *Bustan al-Salatin*. Jelani Harun (pngr.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siddiq Fadzil. 2005. *Dakwah dan Politik: Masalah Etika dan Pendekatan*. Dlm Zulkiple Abd. Ghani (pnyt.) *Dakwah dan Etika Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Syamsul Bahri, A.G. 2007. *Beberapa Isu dalam Pemikiran Islam*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Teuku Hj. Ibrahim Alfian 2005. *Kerajaan Aceh Darussalam: Sebuah Wacana Singkat*. 220-233. Dalam Prosiding Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara. LMNP & UKM Bangi.
- Woro, Aryandini S. 1997. Lebih Lanjut dengan *Serat Tajusalatin* dalam Hubungannya dengan Kitab *Taj al-Salatin*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu V*, hlm. 1-7.
- Zainuddin, H.M. 1978. *Tarekh Aceh dan Nusantara*. Jakarta Indonesia: t.pt.
- Zakaria Ahmad. 1972. *Sekitar Kerajaan Acheh Darussalam, tahun 1520-1675*. Medan. Monora.
- Zulkifli. 2010. Masyarakat Aceh masakini. Temubual, 21 Disember.

¹ Kerajaan Aceh sebelum dikembangkan oleh Sultan ‘Ali Mughayat Shah merupakan sebuah kerajaan Islam yang pertama di Alam Melayu. Beliau menggabungkan Aceh besar (kerajaan Aceh inti) dengan Daya (kerajaan di Aceh Barat pada tahun 1520 kemudian ke Pedir 1521, Pasai dan Aru 1524. Semenjak itu terbentuklah kerajaan Aceh Dar al-Salam.

² Menurut Raden Hoesein Djajadiningrat (1982/1983:81) di dalam *Kesultanan Aceh*, silsilah sultan-sultan Aceh adalah seperti berikut:

1. Sultan ‘Ali Mughayat Shah atau Raja Ibrahim (1514-1528)
2. Sultan Salahuddin (1528-1537)
3. Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah al-Qahar (1537-1568)
4. Sultan ‘Ali Ri’ayat Shah atau Hoesein (1568-1575)

-
5. Sultan Muda (baru berumur 4 bulan)
 6. Sultan Sri Alam (1576)
 7. Sultan Zainal 'Abidin (1577)
 8. Sultan 'Alauddin dari Perak atau Mansur Shah (1577-1586). Dibunuh oleh hulubalangnya.
 9. Sultan 'Ali Ri'ayat Shah atau Raja Bujang; mangkat dibunuh (1586-1588)
 10. Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil anak Firman Shah (1588-1604)²
 11. Sultan 'Ali Ri'ayat Shah atau Sultan Muda (1604-1607)
 12. Sultan Iskandar Muda (1607-1636)
 13. Sultan Iskandar Thani 'Alauddin Mughayat Shah (1636-1641)
 14. Sultan Tajul Alam Safiatuddin atau Putri Sri Alam Permaisuri (1641-1675)
 15. Sultan Nurul Alam Naqiatuddin Shah (1675-1678)
 16. Sultan Inayat Shah Zakiatuddin Shah atau Putri Raja Setia (1678-1688)
 17. Sultan Kamalat Shah (1688-1699)
 18. Sultan Badrul Alam Syarif Hashim Jamaluddin (1699-1702)
 19. Sultan Perkasa Alam Syarif Lamtoei ibn Syarif Ibrahim (1702-1703)
 20. Sultan Jamal al-Alam Badrul Munir (1703-1726)
 21. Sultan Jauhar al-Alam Amaddin Shah (1726)
 22. Sultan Shamsul Alam atau Wandu Tebing (1727)
 23. Sultan 'Alauddin Ahmad Shah atau Maharajalela Melayu (1727-1735)
 24. Sultan 'Alauddin Johan Shah atau Pucut Aok (1735-1760)
 25. Mahmud Shah atau Tuanku Raja (1760-1781)
 26. Sultan 'Alauddin Muhammad Shah atau Tuanku Muhammad (1781-1795)
 27. Sultan 'Alauddin Jauhar al-Alam Shah (1795-1824)
 28. Muhammad Shah (1824-1836).

³ Jemaah haji dari Kepulauan Melayu singgah di Aceh, dan dari Aceh mereka menaiki kapal ke Mekah. Sebelum berangkat dan selepas kepulangan dari Mekah mereka menuntut ilmu pengetahuan di Aceh. Sebab itulah Aceh digelar Serambi Mekah.

⁴ Sultan Salahudin adalah anak sulung Sultan 'Ali Mughayat Shah (1530). Beliau didakwa lemah dalam menjalankan pemerintahan lalu dimakzulkan oleh adiknya.

⁵ Teuku Ibrahim Alfian (2005:128), seorang sejarawan dari Universiti Gajah Mada, Indonesia menyatakan gelaran "Shah Alam" yang dimaksudkan dalam *Taj al-Salatin* ini adalah untuk Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sayid al-Mukammil yang memerintah antara tahun 1588 hingga 1604 M. Baginda telah dipilih untuk menjadi sultan ketika berusia 80 tahun bagi menenangkan keadaan huru-hara yang berlaku di istana Kesultanan Aceh Dar al-Salam kerana perebutan takhta.

⁶ Umum mengetahui bahawa al-Raniri menggunakan *Taj al-Salatin* dan *Sulalat us-Salatin* untuk mengarang kitabnya *Bustan al-Salatin*. Oleh itu, *Taj al-Salatin* sudah pasti ada disimpan di istana Kesultanan Aceh Dar al-Salam.

⁷ *Taj al-Salatin* memberi ilmu dan panduan untuk memerintah sesebuah kerajaan Islam. Kitab ini mengatur hubungan antara sultan dengan rakyat dan sultan dengan Allah S.W.T.. Sistem monarki yang diamalkan telah menggandingkan antara umara dan ulama seperti fatwa *Taj al-Salatin*. Konsep keadilan juga telah dilaksanakan oleh Sultan Iskandar Muda. Selain itu nasihat *Taj al-Salatin* seperti pelaksanaan undang-undang Islam dan menguatkan armada tentera juga telah diikuti oleh sultan.

⁸ Sultan Iskandar Thani juga menggunakan *Bustan al-Salatin* sebagai pedoman dalam pemerintahan.

⁹ Frasa ini bukan sekadar satu konsep sahaja tetapi diabadikan oleh sultan-sultan Aceh dalam Cap Sikureung (cap mohor peribadi) yang melambangkan “kuasa” sultan dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam.

¹⁰ Shamsuddin al-Sumaterani umpamanya telah dilantik sebagai Qadi Malik al-’Adil di istana Kesultanan Aceh Dar al-Salam di zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda.

¹¹ Nama ini adalah nama Sultan Iskandar Thani sebelum dilantik menjadi sultan menggantikan bapa mertuanya iaitu Sultan Iskandar Muda.

¹² Menurut William Marsden (2008:372) di dalam bukunya yang bertajuk *History of Sumatra*, semasa Aceh diperintah oleh Sultanah Safiatuddin, tirai transparan Dewangga Sutura (yang tidak terus menghalang pandangan, cuma menjadikan pandangan tidak jelas) digantung di Balai Besar Kraton Darul Dunia. Pemasangan tirai ini adalah sesuai dengan anjuran kitab *Taj al-Salatin* dan ia berterusan ke tahun 1699M di bawah pemerintahan seramai empat orang sultanah secara berturutan. Lihat juga dalam M. Junus Djamil. 2009. *Gerak Kebangkitan Aceh*. Bandung: Bina Biladi Press.

¹³ Menurut Syamsul Bahri Andi Galigo (1995:44) dalam artikelnya yang bertajuk “Perkembangan Tariqat Qadiriyyah di kalangan masyarakat Muslim Nusantara” (*Jurnal Mau’izah* Jilid 3, Jun 1995 FPI, UKM), perkembangan amalan zikir tarekat di Nusantara mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Kesultanan Aceh Dar al-Salam. Dengan kata lain, Aceh adalah tempat penyebaran tarekat yang pertama di Alam Melayu. Kedatangan dua orang ulama pada tahun 1582M iaitu Syeikh Abdul Khaer dan Syeikh Muhammad Yamani yang berasal dari Yaman telah memperkenalkan amalan zikir tarekat secara kolektif kepada penduduk Aceh. Selain itu, wujud nama-nama besar ulama pengamal tarekat di Aceh seperti Syeikh Hamzah Fansuri, muridnya Syeikh Shamsuddin Sumatrani, Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Syeikh Yusuf Makassar. Antara tarekat yang masih subur dan diamalkan oleh rakyat Aceh sehingga hari ini ialah tarekat Qadiriyyah dan Syattariyyah. Ini dibuktikan semasa kunjungan penulis ke Dayah Tanoh Abee, yang terletak 50 km dari Banda Aceh menuju ke Sigli; pelajar-pelajar di sana ada mengamalkan tarekat Syattariyyah dan cara hidup mereka pula dilihat amat sederhana dengan menjauhkan hawa nafsu sebagaimana yang dianjurkan oleh Bukhari al-Jauhari.

¹⁴ Peranan ulama dalam pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam sangat signifikan sehingga Qadi Malik al-Adil pernah memangku jawatan sultan setelah kemangkatan seseorang sultan. Ia dibuat sebelum proses penabalan sultan yang baru, dilakukan. Ini menunjukkan bahawa kedudukan ulama sangat tinggi dan amat berpengaruh dalam sistem pemerintahan Kesultanan Aceh Dar al-Salam. Selain itu, dalam Kesultanan Aceh Dar al-Salam, terdapat seramai 22 orang ulama menganggotai majlis permesyuaratan negeri di Balai Besar pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda (Azhar Mad Aros et al. 2000:263/266).

¹⁵ Sesungguhnya benarlah kata Abdul Qadir al-Jilani (2001:188) dalam kitabnya *al-Ghunya*, agama dan dunia ini tidak akan tertegak kecuali dengan empat perkara iaitu:

1. umara’; orang yang mengatur dan melindungi rakyat
2. ulama; pewaris para nabi yang menunjukkan manusia kepada alam akhirat
3. orang-orang yang berperang; tentera Allah S.W.T. di muka bumi yang membinasakan orang kafir

-
4. orang yang mencari nafkah; orang kepercayaan Allah S.W.T. dan pada mereka terletak kemaslahatan makhluk dan pembangunan bumi ini.

¹⁶ Setelah istana Kesultanan Aceh dapat ditawan oleh Belanda pada tahun 1873M, para pejuang Aceh telah berundur ke kawasan bukit antara Pidie dan Aceh Besar pada tahun 1878M. Pada tahun 1879M Tuanku Hashim dan Sultan Muda menjadikan Kemala sebagai markas mereka. Lokasi Kemala adalah jauh di Hulu Sungai Pidie (Pedir). Menurut Anthony Reid (2007:221/272), dari sebuah kampung kecil Kemala bertukar kepada sebuah pusat pertanian dan perdagangan setempat yang cukup besar. Ia juga adalah markas besar para pemimpin perang Jihad Aceh seperti Tengku Cik Di Tiro, Tengku Umar, Panglima Polem dan ulama yang lain. Belanda akhirnya berjaya menjajah Aceh apabila Snouck Hurgronje menyarankan askar Belanda menyerang kubu-kubu para ulama, sehingga banyak masjid dan madrasah yang dibakar oleh askar Belanda. Pada tahun 1903M, kekuatan Kesultanan Aceh Dar al-Salam semakin lemah dan Sultan Muhammad Daud menyerah kepada Belanda. Setahun kemudian, pada tahun 1904M, hampir seluruh wilayah Aceh berjaya dikuasai Belanda. Walaupun demikian, sebenarnya Aceh tidak pernah tunduk sepenuhnya terhadap penjajah Belanda. Peperangan yang dipimpin oleh tokoh-tokoh ulama dan pemimpin masyarakat masih berterusan. Aceh sendiri banyak memiliki pejuang yang bukan berasal dari kalangan bangsawan istana, umpamanya Tengku Cik Di Tiro, Cut Nyak Dhien, Cut Meutia, Pocut Baren dan lain-lainnya.

¹⁷ Menurut pemandu pelancong penulis, iaitu bapak Zulkifli, gereja itu didirikan di tengah Banda Aceh semasa konflik berdarah Gerakan Aceh Merdeka (GAM) oleh askar Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang beragama Kristian. Pemerhatian dan temubual ini dibuat pada 19 Disember 2010 - 26 Disember 2010 semasa penulis berada di Banda Aceh.

¹⁸ Maklumat ini diperolehi melalui temubual penulis dengan seorang ahli sejarah iaitu Cikgu Mustafa Abu Bakar pada jam 11 pagi, hari Sabtu 9 Oktober 2010 di rumahnya di Kampung Makam, Kota Tinggi, Johor.

¹⁹ Naskahnya disalin dalam bahasa Melayu, Jawa dan bahasa daerah yang lain seperti Makasar dan sebagainya. (Khalid M. Hussain 1992:xxiv)

Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Serantau Dakwah dan Etnik 2014.